LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuhan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

EKSEKUTIF (KESELAMATAN), GRED PP6

Lantikan	**Tetap / Kontrak**
Kumpulan Perkhidmatan	**Eksekutif**
Gaji (SGMM)	**Minimum: RM2,530.00**
Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)	**RM180.00**
Elaun	**Elaun Khidmat Awam : RM185.00** **Elaun Tetap Perumahan : RM400.00** **Elaun Sara Hidup (COLA) : RM300.00**
Penempatan	**Unit Keselamatan**

1. SYARAT LANTIKAN :

(i) Calon bagi lantikan hendaklah memenuhi syarat berikut :

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) Memiliki Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA); atau

(d) Memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh MQA; atau

(e) Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh MQA; atau

(f) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh MQA daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(g) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(h) Melepasi ujian fizikal, pancaindera dan kecergasan yang ditetapkan untuk jawatan yang berkaitan;

(i) Bekas tentera/ polis yang mempunyai rekod cemerlang digalakkan memohon.

(j) Kelayakan fizikal dan pancaindera :

Tinggi	Lelaki – minimum 1.63m tanpa kasut Perempuan – minimum 1.57m tanpa kasut
Berat	Lelaki – Minimum 50kg Perempuan – Minimum 48kg
Indeks Jisim Badan (BMI)	Julat antara 18.5 – 24.9
Ukuran Dada (Lelaki Sahaja)	79sm (biasa) 84sm (semasa menarik nafas)
Lain-lain	1) Lulus ujian penglihatan bagi mata kanan & kiri (diuji secara berasingan) dengan ketetapan V6/9 tanpa cermin mata. 2) Pengecaman warna dan pendengaran tidak cacat.

(ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(iii) Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(iv) Syarat-Syarat Tambahan Lantikan

(a) Bersedia bekerja di luar waktu pejabat apabila diperlukan;

(b) Bersedia bertugas di mana-mana lokasi atau cawangan LPJ;

(c) Mempunyai tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi;

(d) Mahir berkomunikasi; dan

(e) Berketerampilan dan sihat tubuh badan.

(v) Deskripsi Tugas

(a) Pemantauan pengoperasian kod ISPS di kemudahan Pelabuhan kod ISPS Johor

(b) Melaksanakan auditan kod ISPS

(c) Penguatkuasaan undang-undang kecil Pelabuhan Johor 1973, Akta KL TL (Akta298), Sasaran Penting, Akta Polis 1967, Akta Rahsia Rasmi dan Arahan Keselamatan

(d) Pemantau pengoperasian ISO/SMS/ABMS Unit Keselamatan.

(e) Pengurusan Sistem Keselamatan (Operasi Pelabuhan/ Had Perairan)

(f) Pengurusan Pelan Keselamatan Unit Keselamatan.

(g) Penguatkuasaan Operasi Keselamatan Pelabuhan dan Had Perairan.

(h) Penguatkuasaan Aktiviti Perkapalan di Had Perairan di Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas.

(i) Penguatkuasaan Bersepadu Bersama Agensi Penguatkuasaan Lain (*Other Enforcement Agencies*).

(j) Pusat Pemantauan Operasi Bilik (Bilik Gerakan Kod ISPS LPJ).

(k) Melaksanakan pemeriksaan dan pengawalseliaan di perairan Pelabuhan Johor dan kawasan bidang kuasa LPJ.

(i) Spesifikasi Jawatan

(a) Pengetahuan : Pengetahuan mengenai operasi kawalan keselamatan dan sistem keselamatan elektronik. Kefahaman mengenai pentadbiran pasukan beruniform dan keperluan latihan Polis Bantuan.

(b) Kemahiran : Kemahiran penyelarasan operasi bersyif dan pengurusan rekod. Kemahiran komputer yang baik untuk laporan dan pangkalan data.

(c) Kompetensi dan ciri peribadi : Berdisiplin, teliti dan boleh diharap. Sanggup bertugas di luar waktu pejabat mengikut keperluan operasi.

2. CARA MEMOHON :

(i) Permohonan jawatan kosong Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) hendaklah dibuat secara dalam talian melalui **Sistem LPJ Career** yang boleh diakses melalui pautan https://suuqa.lpj.gov.my/lpj-career/apply. Sistem boleh diakses bermula pada **27 Oktober 2026 (Selasa).**

(ii) Calon hendaklah melengkapkan semua maklumat yang diperlukan dalam sistem permohonan dengan tepat, jelas dan benar serta memuat naik dokumen sokongan yang berkaitan, seperti berikut :

(a) Resume berserta Curriculum Vitae (CV) yang mengandungi:
- Maklumat peribadi;
- Kelayakan akademik dan kompetensi, termasuk sijil berkaitan serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM);
- Pengalaman kerja; dan
- Jangkaan gaji.

(b) Salinan sijil kelahiran dan kad pengenalan;

(c) Salinan sijil akademik dan transkrip; dan

(d) Salinan sijil atau dokumen lain yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon. Semua salinan sijil-sijil yang dimuat naik perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional, Penghulu, Ketua Kampung atau Pengetua/Guru Besar.

Calon hendaklah memastikan semua dokumen yang dimuat naik adalah jelas, lengkap dan boleh dibaca. Calon juga hendaklah menyediakan dokumen asal atau salinan dokumen yang telah disahkan, sekiranya diperlukan oleh pihak LPJ pada peringkat seterusnya.

(iii) Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan diproses. Calon bertanggungjawab memastikan semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan semua dokumen sokongan yang diperlukan telah dimuat naik sebelum permohonan dihantar melalui sistem.

Catatan :

(i) Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Sistem LPJ Career selewat-lewatnya pada tarikh dan masa tutup permohonan yang ditetapkan bagi jawatan berkenaan.

(ii) Permohonan yang tidak lengkap, lewat dikemukakan atau tidak memenuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

(iii) Hanya calon yang melepasi tapisan dan disenarai pendek akan dihubungi untuk proses pemilihan selanjutnya.

(iv) Calon yang disenarai pendek untuk menghadiri temu duga hendaklah mendapatkan pengiktirafan kelayakan akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui pautan berikut:
https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 16 November 2026 (Isnin), pukul 5.00 petang